

**PEPERIKSAAN AKHIR****KURSUS : AKHLAK ISLAMIYYAH****KOD KURSUS : MIF2033****TEMPOH : 02 JAM****ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian : BAHAGIAN A (20 soalan)
: BAHAGIAN B (04 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B.
 - i. Jawab SEMUA BAHAGIAN dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi :
 - i. Kertas Peperiksaan
 - ii. Buku Jawapan
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

NO. MYKAD : _____
NO. ID : _____
PENSYARAH : _____
SEKSYEN : _____

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 07 muka surat bercetak

MAC2024/D/MIF2033

BAHAGIAN A: SOALAN ANEKA PILIHAN

Jawab SEMUA soalan.

1. **(1 point)**
Menjaga diri daripada segala keburukan supaya terpelihara kehormatan diri merujuk kepada _____.
 - A. *Al-Iffah*
 - B. *Syukur*
 - C. *Mahabbah*
 - D. *Nasuha*

2. **(1 point)**
Maksud *zuhud* ialah _____.
 - A. keazaman untuk meninggalkan kesalahan
 - B. tabah menghadapi penderitaan
 - C. menjaga ketepatan masa
 - D. mengawal diri daripada kesenangan dunia

3. **(1 point)**
Berikut merupakan jenis-jenis mengumpat **KECUALI** _____.
 - A. *buhtan*
 - B. *illah*
 - C. *ghibah*
 - D. *ifkun*

4. **(1 point)**
Manakah antara berikut merupakan faktor perbuatan *hasad* diharamkan?
 - i. Menyebabkan pergaduhan dan permusuhan.
 - ii. Menyebabkan ramai orang teraniaya.
 - iii. Menyebabkan seseorang itu lalai dari mengabdikan diri kepada Allah SWT.
 - iv. Menyebabkan hubungan silaturahim terputus.
 - A. i dan ii
 - B. i, ii dan iii
 - C. i, iii dan iv
 - D. i, ii, iii dan iv

5. **(1 point)**
Sifat putus asa adalah sebesar-besar lawan kepada sifat _____.
 - A. adil
 - B. bersangka baik
 - C. sabar
 - D. *tawadhuk*

6. **(1 point)**

Dayana berasa kesal dengan sikap suaminya yang tidak membantu dalam menguruskan urusan rumah dan anak-anak serta sentiasa bersikap panas baran. Manakah antara berikut tindakan Dayana yang seiring dengan akhlak *mahmudah*?

- A. Dayana menceritakan sikap suaminya di media sosial untuk mendapatkan nasihat.
- B. Dayana mengajak suaminya untuk mendapatkan khidmat kaunseling bagi menyelamatkan rumah tangga mereka.
- C. Dayana mengabaikan tanggungjawabnya kepada suami sebagai cara untuk memberi kesedaran kepada suaminya.
- D. Dayana sering memerli suaminya dan membanding-bandingkan suaminya dengan orang lain.

7. **(1 point)**

Dapat menahan keinginan nafsu syahwat dan mencapai ketenangan merujuk kepada nafsu _____.

- A. *amarah*
- B. *mutmainnah*
- C. *mardiah*
- D. *kamilah*

8. **(1 point)**

Manakah antara berikut selari dengan *Mujahadah An-Nafs*?

- i. Mudah berasa marah dan beremosi.
 - ii. Bersyukur atas nikmat yang diterima.
 - iii. Susah untuk memaafkan kesalahan orang lain.
 - iv. Tidak berkata-kata kecuali yang baik-baik.
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. iii dan iv

9. **(1 point)**

Muhasabah diri selari dengan tuntutan _____.

- A. membaca al-Quran
- B. mencari ilmu
- C. taubat *nasuha*
- D. mendirikan solat

10. **(1 point)**
Berikut adalah kesan *muraqabah* dalam pembentukan akhlak seseorang individu **KECUALI** _____.
- A. sentiasa berkelakuan baik untuk mendapatkan pujian
 - B. percaya kepada sifat Allah SWT Maha Mengetahui
 - C. sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap perbuatannya
 - D. takut untuk melakukan perkara maksiat
11. **(1 point)**
Berikut adalah tanda-tanda lemahnya iman **KECUALI** _____.
- A. sayangkan harta
 - B. suka bersedekah
 - C. tidak terkesan dengan ayat al-Quran
 - D. cemas dan takut apabila ditimpa musibah
12. **(1 point)**
Budaya hidup berikut merupakan cabaran pembentukan akhlak secara global iaitu _____.
- i. fesyen pakaian
 - ii. makanan segera
 - iii. media sosial
 - iv. sistem pendidikan
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, ii, iii dan iv
13. **(1 point)**
Berikut adalah peranan ibu bapa dalam menyediakan anak-anak menghadapi budaya hedonisme **KECUALI** _____.
- A. menunaikan segala permintaan anak
 - B. ibu bapa sebagai '*role model*'
 - C. memberi pendidikan agama dan nilai murni
 - D. santuni anak dengan berkomunikasi dan berbincang
14. **(1 point)**
Pilih pernyataan paling **TEPAT** berkait dengan media massa.
- A. Cara komunikasi yang membolehkan maklumat disebarkan kepada masyarakat.
 - B. Pelbagai teknologi media yang bertujuan untuk mencapai sejumlah besar pengguna media melalui komunikasi massa.
 - C. Alat sebaran yang menggunakan teknologi elektronik untuk dicapai pengguna seperti komputer.
 - D. Media yang digunakan terus secara atas talian dengan membolehkan para pengguna dengan mudah untuk menyertai, berkongsi dan mencipta kandungan sendiri.

15. **(1 point)**
Bagaimanakah akhlak seseorang apabila mendengar sesuatu khabar angin yang tersebar melalui media sosial?
- A. Berkongsi dengan rakan yang lain.
 - B. Percaya tanpa menyelidik.
 - C. Amal konsep *tabayyun*.
 - D. Bersangka buruk.
16. **(1 point)**
Berikut merupakan sikap yang dianjurkan Islam dalam bermuamalat, **KECUALI** _____.
- A. toleransi
 - B. jujur dan amanah
 - C. sering bersumpah bagi melariskan jualannya
 - D. menepati janji yang telah disepakati antara penjual dan pembeli
17. **(1 point)**
Manakah antara berikut adalah **TIDAK BENAR** tentang kesan berakhlak mulia dalam masyarakat?
- A. Menghindari sifat perkauman.
 - B. Menyemai semangat muhibah dan kasih sayang.
 - C. Mewujudkan masyarakat yang bertolak ansur.
 - D. Sentiasa bersikap mementingkan diri sendiri.
18. **(1 point)**
Bagaimanakah sikap seorang guru dalam menghadapi cabaran pendidikan masa kini?
- i. Sentiasa menambah ilmu pengetahuan.
 - ii. Ikhlas dalam mengajar.
 - iii. Niat sebagai ibadah.
 - iv. Berfikiran negatif.
- A. i dan ii
 - B. i, ii dan iii
 - C. ii, iii dan iv
 - D. i, ii, iii dan iv

19. **(1 point)**

Kalimah '*baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur*' melambangkan sebuah negara yang ideal. Manakah antara berikut termasuk dalam pengertian kalimah ini?

- i. Negara yang subur dan makmur.
- ii. Negara yang aman dari musuh.
- iii. Negara yang dipimpin oleh penguasa yang adil.
- iv. Negara yang penduduknya dijamin masuk syurga.

- A. i dan ii
- B. i, ii dan iii
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

20. **(1 point)**

Manakah antara istilah berikut **TIDAK** berkait dengan politik menurut Islam?

- A. *Al-Khilafah*
- B. *Al-Riyasah*
- C. *Al-Qiyadah*
- D. *Al-Sa'diyyah*

BAHAGIAN B: SOALAN STRUKTUR

Jawab SEMUA soalan.

1. **(12 points)**
 - a) Huraikan **DUA (2)** contoh akhlak *mazmumah*. (4 points)
 - b) Terangkan maksud *tawadhuk* beserta **DUA (2)** contoh akhlak Rasulullah SAW yang menunjukkan sikap *tawadhuk*. (4 points)
 - c) Jelaskan **DUA (2)** hikmah sabar. (4 points)
2. **(8 points)**
 - a) Jelaskan **DUA (2)** faktor penting dalam mencapai taqwa menurut Dr. Abdullah Nasih Ulwan. (4 points)
 - b) Huraikan **DUA (2)** hikmah *Mujahadah An-Nafs*. (4 points)
3. **(12 points)**
 - a) Bincangkan **TIGA (3)** cabaran luaran di dalam proses pembentukan akhlak. (6 points)
 - b) Terangkan maksud dualisme dalam sistem pendidikan. (2 points)
 - c) Huraikan **DUA (2)** kesan akibat daripada kurangnya ilmu. (4 points)
4. **(8 points)**
 - a) Jelaskan **DUA (2)** tujuan sesuatu hukuman atau undang-undang itu diwujudkan di dalam masyarakat. (4 points)
 - b) Terangkan maksud istilah berikut:
 - i. *Al-Hajjiyyah* (2 points)
 - ii. *Al-Tahsiniyyah* (2 points)

KERTAS SOALAN TAMAT